

UNDANG-UNDANG ANTI LOMPAT PARTI: ISU PERUNDANGAN DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA

ANTI-PARTY HOPPING LAW: LEGAL ISSUES AND ITS IMPLEMENTATION IN MALAYSIA

Wong Hua Siong ¹

¹Faculty of Law, Multimedia University, Malaysia, (E-mail: wonghuasiong@yahoo.com)

Article history

Received date : 13-8-2022
Revised date : 14-8-2022
Accepted date : 14-10-2022
Published date : 15-10-2022

To cite this document:

Siong, W., H. (2022). Undang-Undang Anti Lompat Parti: Isu Perundangan Dan Pelaksanaannya di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 444 - 451.

Abstrak: Lompat parti oleh ahli politik tanpa sebab-sebab yang munasabah telah mengugat kestabilan politik sesebuah negara dan isu ini wujud di setiap negara di dunia ini. Setelah sekian lama perbahasan di Parlimen Malaysia, akhirnya Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 mengenai peruntukan larangan ahli Dewan Rakyat lompat parti diluluskan pada 27 Julai 2022 dengan undi majoriti dua pertiga ahli Dewan Rakyat. Kajian ini adalah bersifat kualitatif dan melibatkan kajian perpustakaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakan negara mempunyai undang-undang masing-masing bagi menyekat ahli Parlimen daripada lompat parti tanya sebab yang munasabah. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan kestabilan politik sesebuah negara dan menyahut mandat dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat kepada wakil rakyat pilihan masing-masing. Oleh itu, adalah tiba masanya bagi Malaysia juga mewujudkan undang-undang khusus untuk mengatasi isu lompat parti oleh ahli politik tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Kata kunci: Malaysia, Pelaksanaan, Undang-undang Anti Lompat Parti

Abstract: Party jumping by politicians without reasonable reasons has undermined the political stability of a country and this issue exists in every country in the world. After a long debate in Parliament of Malaysia, finally the Constitution (Amendment) Bill (No. 3) 2022 regarding the prohibition of Dewan Rakyat members from party jumping was approved on 27 July 2022 with a two-thirds majority vote of Dewan Rakyat members. This study is qualitative in nature and involves library research. The results of this study found that most countries have their own laws to prevent members of Parliament from jumping parties asking for reasonable reasons. This is aimed at maintaining the political stability of a country and responding to the mandate and trust given by the people to their elected representatives. Therefore, it is time for Malaysia to also create specific laws to overcome the issue of party jumping by politicians without reasonable reasons.

Keywords: Malaysia, Implementation, Anti Hopping Law

Pengenalan

Selepas pilihan raya umum Malaysia ke-14 ('PRU-14') pada tahun 2018 sehingga 2022, seramai 39 ahli Parlimen daripada 222 ahli Parlimen di negara ini telah melompat diri dari parti asal atas sebab-sebab tertentu.¹ Keadaan ini seolah-olah menggambarkan bahawa ahli Parlimen, terutamanya ahli Dewan Rakyat di Malaysia boleh menukar parti mereka dengan sesuka hati selepas kemenangan dalam pilihan raya umum dan hal ini sebenarnya mencerminkan ketidakstabilan politik di negara kerana akibat lompat parti oleh ahli Dewan Rakyat daripada satu parti kepada parti lain akan memberi kesan kepada majoriti kerusi parti yang memerintah negara. Keadaan ini juga seolah-olahnya mengkhianati mandat yang diberikan oleh rakyat kepada wakil rakyat. Bagi menangani masalah lompat parti oleh ahli Dewan Rakyat, Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 mengenai peruntukan larangan ahli Dewan Rakyat lompat parti diluluskan pada 27 Julai 2022 dengan undi majoriti dua pertiga ahli Dewan Rakyat, iaitu seramai 209 ahli Parlimen bersetuju dan 11 ahli Parlimen tidak hadir.²

Akibat lompat parti oleh ahli-ahli Dewan Rakyat semejak PRU-14, berlakunya keadaan pertukaran penyandang jawatan Perdana Menteri Malaysia sebanyak tiga (3) kali dan hal ini adalah satu perkara baru dalam sejarah Malaysia. Hal ini seterusnya mencerminkan amalan demokrasi di negara Malaysia mulai tergugat dan membimbangkan. Seterusnya kerajaan negeri di Johor, Melaka, Perak dan Kedah juga mengalami pertukaran kerajaan akibat daripada gerakan lompat parti dalam kalangan wakil rakyat yang tanpa sebarang sekatan dan justifikasi yang munasabah.

Oleh itu, dengan adanya undang-undang anti lompat parti oleh ahli Parlimen, terutamanya ahli Dewan Rakyat sedikit sebanyak telah mengurangkan kebarangkalian ahli Parlimen untuk melompat dari satu parti ke parti lain. Persoalan seterusnya ialah sama ada dengan adanya undang-undang anti lompat parti, masalah lompat parti di negara ini dapat diselesaikan dengan sepenuhnya? Mengikut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, beliau berpendapat bahawa pindaan Perlembagaan ini tidak mentakrifkan tindakan sesuatu parti politik yang keluar dari satu gabungan dan menyertai gabungan lain sebagai tindakan bertukar parti.³ Hal ini bermakna bahawa percaturan politik selepas keputusan Pilihan Raya Umum yang ke-15 (PRU-15) diumumkan tetap boleh berlaku, terutamanya dalam keadaan tiada satu pun gabungan parti politik mencapai kemenangan mutlak. Tambahan pula, penyelarasan di peringkat Dewan Undangan Negeri perlu dibuat supaya tidak ada percanggahan dari sudut Perlembagaan Persekutuan.

Sorotan Literatur

Lompat parti

Perkataan-perkataan "lompat parti", "lintas lantai", "lintas permaidani", "lompat waka" (New Zealand), "pembelotan", walaupun kesemua perkataan ini mempunyai nama yang berbeza tetapi mengandungi maksud yang sama, iaitu menukar dari parti politik asal ke parti politik lain dan fenomena ini akan mengancam kestabilan parti, keseimbangan kuasa dalam badan

¹ N/A (2022, April 22). 39 ahli Parlimen lompat parti sejak 2018: Wan Junaidi. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/196033/berita/nasional/39-ahli-parlimen-lompat-parti-sejak-2018-wan-junaidi>

² Mohd. Fadhli Mohd. Sulaiman. (2022, Julai 28). RUU Anti Lompat Parti lulus 2/3. *Utusan Malaysia*.
<https://www.utusan.com.my/nasional/2022/07/parlimen-ruu-anti-lompat-parti-lulus-2-3/>

³ *Ibid* no. 1.

perundangan, contohnya Parlimen, kestabilan pemerintahan sesebuah kerajaan dan akhirnya mengugat demokrasi sesebuah negara (Malhorta, 2005; Janda, 2009; Noklenyi, 2016; Spiess and Pehl, 2004; Subramaniam, 2008).

Tindakan lompat parti oleh ahli Parlimen selepas kemenangan pilihan raya umum juga dianggap sebagai sesuatu tindakan yang tidak beretika dan tidak bermoral kerana telah mengkhianati mandat dan kepercayaan diberikan oleh rakyat kepada ahli Parlimen pilihan mereka (Vowles, 2018).

Menurut bekas Mufti negeri Perlis, Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, hukuman terhadap tindakan lompat parti atau tukar parti adalah berdosa dalam Islam kerana mengkhianati kepercayaan dan tidak menghormati keputusan rakyat.⁴ Lompat parti walaupun tidak melibatkan penukaran agama, tapi perbuatan ini seakan-akan menukar pahala, iaitu memikul tanggungjawab dan amanah para pengundi sokongan kepada menjadi dosa yang seolah-olah khianat kepada amanah yang diberikan oleh para para pengundi sokongan kepada pemimpin tersebut. Dari segi ajaran Islam, seseorang yang berjaya juga adalah seorang yang menepati dan menunaikan amanah yang diberi. Dalam al Quran surah al-Mukminun Allah SWT berfirman (maksudnya):⁵

“Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.” (23:8)

Al-Saa'di menerusi Tafsir as-Saa'di mentafsirkan ayat itu dengan: *“Iaitu orang yang menunaikan amanah yang diberikan kepadanya, menjaga amanah yang diperuntukkan kepadanya, bersungguh-sungguh melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Amanah yang telah diberikan oleh Allah untuk ditunaikan atau dipertanggungjawabkan kepadanya dalam urusan manusia.”*⁶

Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan adalah bercorak kualitatif secara keseluruhannya berdasarkan kaedah dokumentasi secara tradisi dan juga melibatkan kajian falsafah dan pandangan-pandangan dalam akademik secara sistematik. Oleh itu, kajian ini bukanlah kajian empirikal sebaliknya bersifat kajian perpustakaan. Data utama kajian ini terdiri daripada Akta-akta dan kes-kes tertentu. Data sekunder pula terdiri daripada buku-buku rujukan dan artikel penulisan berkenaan dengan anti lompat parti di Malaysia mahupun di luar negara. Kesemua data ini dianalisis menggunakan analisis kandungan. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan dokumentasi tradisional untuk mendapatkan penemuan ke atas isu yang dibentangkan.

Perbincangan

Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan tentang hak kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan oleh semua warganegara tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia juga memperuntukkan bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan ini ialah undang-undang utama di Malaysia dan mana-mana undang-undang yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu. Namun demikian, sebelum Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 dibahas, negeri Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan

⁴ Dr. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (2013, Mei 28). Lompat parti bukan penyelesaian. *Sinar Harian*. m/s 56.

⁵ Al Quran surah al-Mukminun ayat 8.

⁶ Tafsir as-Saa'di.

Perkara XXXIA Perlembagaan Negeri Kelantan sebenarnya telah wujud pertuntukan undang-undang yang agak sama (Reza Rahim, 2020).⁷

Perkara 14(A) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang memperuntukan bahawa ahli Dewan Undangan Negeri ('ADUN') mesti mengosongkan kerusinya jika dia meletakkan jawatan, dilucutkan keahliannya, tidak lagi menjadi ahli politik atau dipilih sebagai calon oleh parti politik lain. Perkara 14(A) telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 2012 melalui Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012. Persoalannya sama ada Perkara 14(A) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bercanggah dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan oleh seseorang rakyat? Mahkamah Tinggi dalam kes *Khaliq Mentab Mohd. Ishaq & Anor v. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang & Anor*⁸ memutuskan bahawa Perkara 14(A) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Baru-baru ini, Mahkamah Persekutuan Malaysia juga mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi sebelum ini.⁹

Di samping itu, Perkara XXXIA Perlembagaan Negeri Kelantan juga memperuntukan undang-undang negeri yang hampir sama iaitu jika mana-mana ADUN meletak jawatan atau dipecat daripada parti politik mereka, mereka tidak boleh terus menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dan mereka perlu melepaskan kerusi mereka. Dalam erti kata lain, pilihan raya bagi kerusi yang kosong tersebut haruslah diadakan. Dalam kes *Dewan Undangan Negeri Kelantan v Nordin Salleh*,¹⁰ mahkamah memutuskan bahawa undang-undang anti pembelotan di bawah Perkara XXXIA Perlembagaan Negeri Kelantan adalah tidak berperlembagaan kerana peruntukan tersebut bercanggah dengan kebebasan berpersatuan yang diperuntukkan di bawah Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, Perlembagaan Persekutuan juga memberi kuasa kepada Parlimen untuk meluluskan sekatan ke atas kebebasan berpersatuan jika sekatan tersebut adalah untuk kepentingan keselamatan, ketenteraman awam, moral, buruh atau pendidikan. Oleh itu, walaupun kebebasan berpersatuan boleh disekat, hal ini hanya boleh dilakukan oleh Parlimen dan bukan Dewan Undangan Negeri. Secara ringkas, hanya Parlimen Persekutuan boleh meluluskan undang-undang anti-lompat dengan cara meminda Perlembagaan Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang tersebut. Walau bagaimanapun, situasi ini mungkin berubah selepas keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Khaliq Mentab Mohd. Ishaq & Anor* iaitu Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat memerintah bahawa Perkara 14(A) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Beliau berkata keputusan sebelum ini yang dibuat oleh Mahkamah Agung dalam kes *Datuk Nordin Salleh*, di mana undang-undang anti lompat parti kerajaan Kelantan telah diisytiharkan terbatal dan tidak sah, telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan. Keputusan Mahkamah Persekutuan ini telah memberi keputusan bahawa Dewan Undangan Negeri berhak membuat undang-undang negeri bagi mencegah lompat parti oleh ADUN dengan sesuka hati dalam tempoh lima tahun perkhidmatan mereka.

⁷ Perlembagaan Negeri Sabah dan Sarawak pernah mempunyai peruntukan yang sama namun peruntukan tersebut telah dimansuhkan kemudiannya.

⁸ [2022] 6 CLJ 947.

⁹ Sharanjit Singh. (2022, August 3). Federal Court declares Penang's Article 14A on anti-party hopping is consistent with Constitution. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2022/08/819027/federal-court-declares-penangs-article-14a-anti-party-hopping>.

¹⁰ [1992] 1 MLJ 697.

Negeri Sabah juga pernah mengalami keadaan kemelutan di negeri Pulau Pinang dan Kelantan. Enakmen Perlembagaan (Pindaan) Negeri Sabah pada tahun 1986 telah memasukkan peruntukan berkaitan undang-undang lompat parti dalam Perlembagaan Negeri Sabah.¹¹ Pindaan tersebut juga menyatakan bahawa kerusi seseorang Ahli Dewan akan dikosongkan jika beliau bersara atau dipecat, atau atas apa sebab sekalipun tidak lagi menjadi ahli parti politik yang disertainya sebelum ini. Penekaan haruslah diberi perhatian kepada “*tidak lagi menjadi ahli parti politik yang disertainya sebelum ini*” membawa maksud seseorang Ahli Dewan tersebut telah menukar partinya akan tertakluk kepada pindaan ini.

Kesahan pindaan ini di sisi Perlembagaan Persekutuan telah dijelaskan dalam kes *Abdul Karim bin Abdul Ghani vs Legislative Assembly of 18 Sabah*.¹² Dalam kes ini, Pemohon, iaitu Abdul Karim telah memohon kepada Mahkamah Persekutuan satu kebenaran, untuk mendapatkan pengisytiharan Mahkamah Agung, bahawa pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah tersebut adalah tidak sah atas alasan Dewan Undangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang peruntukan berkaitan hilang kelayakan seseorang ahli Dewan dan maka Enakmen Perlembagaan (Pindaan) Negeri Sabah pada tahun 1986 adalah tidak sah di sisi Perlembagaan Persekutuan kerana merampas kuasa Parlimen untuk membuat peruntukan berkenaan sebagaimana peruntukan Perkara 74(1) dan Butiran 6 Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, permohonan Pemohon ditolak oleh Mahkamah. Dalam alasan penghakimannya, Hakim Mahkamah Agung, Hashim Yeop A. Sani menyatakan bahawa sememangnya Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat peruntukan tentang hilang kelayakan Ahli Parlimen, namun demikian, Dewan Undangan Negeri juga berhak menentukan hilang kelayakan ADUN di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana jelas di bawah perenggan 6, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

Selepas meneliti keputusan Mahkamah ini, dapat disimpulkan bahawa Dewan Undangan Negeri sememangnya mempunyai bidang kuasa untuk membuat peruntukan berkaitan hilang kelayakan seseorang ADUN. Namun demikian, isu tersebut telah diselesaikan kemudian apabila Perkara 18(2)(d) Perlembagaan Negeri Sabah telah dimansuhkan oleh Enakmen 11 pada tahun 1995.

Undang-undang Lompat Parti di Negara-negara lain

(i) Singapura

Walaupun Singapura tidak mempunyai undang-undang khusus berkenaan dengan lompat parti oleh ahli politik, akan tetapi Perkara 46(2)(b) Perlembagaan Singapura memperuntukan bahawa kerusi seorang ahli Parlimen hendaklah menjadi kosong sekiranya dia tidak lagi menjadi ahli parti yang atas nama parti itu dia bertanding dalam pilihan raya.¹³ Hal ini menjelaskan bahawa seseorang ahli Parlimen di Singapura berhak untuk melompat parti selepas pilihan raya umum namun akibat pertukaran parti akan menyebabkan kerusi yang disandangnya itu menjadi kosong secara automatik.

Mengikut pendapat Prof. Datuk Salleh Buang, walaupun kerusi ahli Parlimen yang lompat parti itu menjadi kosong, namun kelayakannya sebagai seorang wakil rakyat masih kekal. Oleh itu, beliau masih boleh bertanding apabila pilihan raya kecil diadakan atas sebab kekosongan kerusi

¹¹ Perkara 18(2)(d) Perlembagaan Negeri Sabah.

¹² [1988] 1MLJ 171.

¹³ Perkara 46(2) Perlembagaan Singapura.

tersebut. Untuk kembali ke dalam Dewan, ahli politik tersebut perlulah mendapatkan mandat rakyat lagi dengan memenangi pilihan raya kecil.¹⁴

(ii) India

Negara India juga tidak mempunyai undang-undang lompat parti yang khusus. Namun demikian, Jadual X dalam Perlembagaan India melarang wakil rakyat di peringkat persekutuan dan negeri¹⁵ daripada lompat parti melainkan terdapat sebab-sebab tertentu. Dewan Speaker mempunyai kuasa untuk menentukan status wakil rakyat yang lompat parti di bawah peruntukan Jadual X.

Dari tahun 1967 hingga 1971, hampir 2,000 kes pembelotan direkodkan untuk keseluruhan daripada kira-kira 4,000 penggubal undang-undang persekutuan dan negeri (Spiess and Pehl, 2004: 200, 202). Dalam kebanyakan kes dramatik, ahli parlimen negeri Haryana Gaya Lal menukar partinya tiga kali pada hari yang sama pada tahun 1967 dan seterusnya menghasilkan frasa popular di kalangan masyarakat, iaitu Aaya Ram Gaya Ram (Ram telah datang, Ram telah pergi) (Relhan, 2017).

Pada Oktober 2018, Mahkamah Tinggi Madras mengekalkan keputusan Speaker Tamil Dewan Undangan Negeri Nadu melucutkan kelayakan 18 penggubal undang-undang negeri daripada AIADMK untuk bertemu dengan Negeri Gabenor dan menyatakan hilang keyakinan terhadap kerajaan negeri AIADMK yang diketuai oleh Ketua Menteri K Palaniswami pada 2017 (Economic Times, 2018).

(iii) New Zealand

New Zealand telah mewujudkan suatu akta yang khusus, iaitu *Electoral (Integrity) Amendment Act 2018* bagi mengawal tindakan wakil rakyat yang dipilih rakyat serta telah melarang tindakan lompat parti oleh wakil rakyat. Akta Pilihan Raya (Integriti) Pindaan 2018 memasukkan enam fasal baharu ke dalam Akta Pilihan Raya 1993 (*Electoral Act 1993*). Antaranya seksyen 55A menyatakan bahawa kerusi seorang ahli Parlimen akan menjadi kosong sekiranya mereka berhenti menjadi ahli parlimen parti politik asal mereka yang dipilih dalam pilihan raya umum. Selain itu, jika seseorang ahli Parlimen menyampaikan notis bertulis yang mengesahkan bahawa beliau telah meletak jawatan sebagai ahli parlimen parti yang beliau telah dipilih, atau jika beliau ingin bertanding di Parlimen sebagai ahli parlimen bebas atau ahli parti politik lain.

(iv) United Kingdom

Bagi negara United Kingdom pula, satu akta *Recall of MPs Act 2015* (RMA) telah pun dikuatkuasa.¹⁶ Walau bagaimanapun, RMA tersebut tidak meliputi isu untuk mengadakan pilihan raya semula, maka, satu Rang Undang-Undang Recall of MPs (*Change of Party Affiliation*) Bill 2019-21 sedang dibentangkan di House of Commons, UK yang akan melarang wakil rakyat yang dipilih daripada lompat parti mereka. Rang Undang-undang ini masih sedang dalam proses pembahasan. Sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan, wakil rakyat di UK juga akan dihadkan daripada lompat parti mereka dengan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

¹⁴ Salleh Buang. (2021, September 7). Minda Peguam dalam Utusan Malaysia. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/contohi-kaedah-singapura-halang-lompat-parti/>.

¹⁵ Termasuklah dalam Majlis Negeri (Rayja Sabha), Dewan Negara Rakyat (Lok Sabha), dan Dewan Undangan Negeri.

¹⁶ Seksyen Dasar dan Penyelidikan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (2021 Disember). Kertas Kajian Awal Berkaitan Suatu Undang-undang Lompat Parti Untuk Malaysia.

Kesimpulan

Sememangnya Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 mengenai peruntukan larangan ahli Dewan Rakyat lompat parti diluluskan pada 27 Julai 2022 dengan undi majoriti dua pertiga ahli Dewan Rakyat merupakan satu langkah yang baik bagi mengatasi isu lompat parti oleh ahli politik. Namun demikian, kandungan yang terperinci tentang undang-undang masih tidak dapat diperoleh dan seharusnya pewujudan Akta yang spesifik ini akan mengandungi segala prosedur dan proses kerja yang terlibat dalam pemecatan ahli Parlimen yang lompat parti termasuk proses pengisian kekosongan akibat pemecatan tersebut. Oleh itu, undang-undang berkenaan lompat parti di Malaysia ini dilihat akan bersifat lebih dinamik boleh dipinda atau dimansuhkan mengikut keperluan semasa negara. Memandangkan Parlimen Malaysia dibubarkan pada 10hb Oktober 2022 baru-baru ini, hal ini bermakna PRU-15 akan diadakan dalam masa 60 hari dari tarikh pembubaran Parlimen. Justeru, penulis berharap agar undang-undang anti-lompat parti dapat memainkan peranan yang penting bagi menangani masalah lompat parti oleh ahli Parlimen di negara ini.

Rujukan

- Abdul Karim bin Abdul Ghani vs Legislative Assembly of 18 Sabah* [1988] 1MLJ 171. Constitution of the Republic of Singapore.
- Dewan Undangan Negeri Kelantan v Nordin Salleh* [1992] 1 MLJ 697.
- Economic Times. (2018, October 25). *AIADMK MLAs disqualification: This is what it means for Tamil Nadu and Palaniswami govt.* <https://economictimes.indiatimes.com/news/politics-and-nation/18-aiadmk-mlas-disqualification-this-is-what-it-means-for-tamil-nadu-and-palaniswami-govt/articleshow/66358380.cms>.
- Janda, K. (2009, July 12-16). *Laws Against Party Switching, Defecting, or Floor-Crossing in National Parliaments. 2009 World Congress of the International Political Science Association, Santiago, Chile* [Paper presentation]. <http://www.partylaw.leidenuniv.nl/uploads/wp0209.pdf>.
- Khaliq Mentab Mohd. Ishaq & Anor v. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang & Anor* [2022] 6 CLJ 947.
- Malaysia Federal Constitution.
- Malhotra, G. C. (2005). *Anti-Defection Law in India and the Commonwealth*. Metropolitan Book Co. Pvt. Ltd. https://eparlib.nic.in/bitstream/123456789/58674/1/Anti_Defection_Law.pdf.
- New Zealand Electoral (Integrity) Amendment Act 2018.
- Nikolenyi, C. (2016). The Adoption of Anti-Defection Laws in Parliamentary Democracies. *Election Law Journal*, 15(1), 96-108. <https://doi.org/10.1089/elj.2015.0345>.
- Recall of MPs Act 2015.
- Relhan, V. (2017, December 6). *The Anti-Defection Law Explained. PRS Legislative Research.* <https://www.prsindia.org/theprsblog/anti-defection-law-explained>.
- Reza Rahim. (2020). Freedom of Association: From Nordin Salleh to Khaliq Mehtab. *Current Law Journal*, 2020(3), xi-xviii.
- Spiess, C., & Pehl, M. (2004). Floor Crossing and Nascent Democracies - a Neglected Aspect of Electoral Systems? The Current South African Debate in the Light of the Indian Experience. *Verfassung Und Recht in Übersee Law and Politics in Africa, Asia and Latin America*, 37(2), 195-224. <https://www.jstor.org/stable/43239205>.
- Subramaniam, R. S. (2008). *Developing and Testing a Theory of Legislative Party Fragmentation* [Unpublished PhD thesis]. University of Wisconsin-Madison.
- The Constitution of India.

Vowles, J. (2018, January 19). *Jack Vowles: The case against 'party hopping'*.
<https://www.newsroom.co.nz/ideasroom/2018/01/19/75962/jack-vowles-the-case-against-party-hopping>